

Asli Ucapan Tahniah Kepada Najib, Gesa Pembentukan Sebuah Kerajaan Perpaduan Nasional
Bernama
8 Mei, 2013

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) Tan Sri Michael Yeoh mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengangkat sumpah sebagai perdana menteri, dan menggesa perdana menteri membentuk sebuah kerajaan yang berasaskan perpaduan nasional.

Beliau berkata kerajaan perpaduan nasional perlu menjadi sebahagian Program Penyatuan Nasional Najib dan memperkukuhkan perpaduan selepas "perpecahan" pada pilihan raya umum ke-13.

"Ini merupakan masa untuk mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan parti. Ini merupakan masa untuk negara pulih dan mencari budaya politik baharu dan melakukan penyatuan," katanya dalam kenyataan di sini Rabu.

Yeoh berkata Umno patut mengusahakan sebuah kerajaan perpaduan dengan membawa masuk DAP, PKR dan PAS untuk menjadi rakan dalam memerintah negara.

"Tidak ada rakan atau lawan kekal dalam politik dan dengan saling bekerjasama, negara boleh bergerak ke hadapan untuk berdepan jatuh bangun dan cabaran-cabaran di masa depan.

"Malahan di United Kingdom, parti Konservatif dan LibDems boleh membentuk kerajaan campuran dan juga terdapat banyak contoh di negara-negara lain," katanya.

Katanya hanya menerusi perpaduan, semua parti boleh bekerja bersama-sama untuk merumuskan program bersama untuk dilaksanakan bagi menangani rasuah, membanteras jenayah, melakukan pembaharuan pendidikan dan mengalakkan daya saing ekonomi negara.

"Inilah harapan baharu untuk negara," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948342>